## PROSIDUR PELAKSANAAN DUTI EKSAIS BAGI MINUMAN BERGULA SEMASA TEMPOH PERALIHAN DARI 1 JULAI 2019 HINGGA 31 OGOS 2019

1. Pengimportan dan pengilangan minuman bergula mulai 1 Julai 2019 tertakluk kepada Perintah Duti Eksais 2017. Produk minuman bergula yang kandungan gulanya di atas *threshold* yang ditetapkan dan sedia untuk diminum (*ready to drink*) akan dikenakan duti eksais. Produk minuman bergula yang tidak termasuk dalam kategori di atas diberi pengecualian di bawah Perintah Duti Eksais (Pengecualian)(Pindaan)(No. 2) 2019.

2. Pelepasan dagangan import bagi minuman bergula hendaklah diikrar dalam borang K1 sepertimana barangan import yang lain. Pengikraran Borang K1 bagi barang yang dikecualikan, keperluan kepada *lab report* adalah diwajibkan. Walau bagaimanapun, bagi tempoh 1 Julai 2019 hingga 31 Ogos 2019 pengimport diberi penangguhan daripada keperluan mengemukakan *lab report*. *Lab report* hendaklah dikemukakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh pelepasan K1 tersebut. Di samping itu, pengimport juga dikehendaki membuat surat akujanji dan sekiranya kandungan *total sugars* melebihi nilai ambang atau *lab report* gagal dikemukakan, bayaran duti yang terlibat akan dibuat.

3. Pemindahan dari stesen import hanya dibenarkan ke gudang di bawah seksyen 65, Akta Kastam 1967 sahaja dengan menggunakan Borang Kastam No. 8. Kaedah pelepasan ke pasaran tempatan dari gudang di bawah seksyen 65, Akta Kastam 1967 adalah sepertimana di para 2.

4. Permohonan lesen di bawah seksyen 20 dan 25, Akta Eksais 1976 adalah tertakluk kepada suatu Jaminan Bank yang bersamaan dengan 15% daripada duti/cukai stok semasa pelesen. Walau bagaimanapun, keperluan Jaminan Bank ini ditangguhkan sehingga 30 September 2019. Semua permohonan lesen akan diberi kelulusan berkuatkuasa 1 Julai 2019 tertakluk kepada pembayaran fi lesen sebanyak RM200.00 setahun telah dijelaskan dan proses verifikasi ke atas dokumen dan maklumat akan dibuat kemudian. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak betul, lesen boleh dibatalkan.

5. Pengikraran jualan tempatan oleh pengilang berlesen untuk produk berduti adalah menggunakan borang Eksais No. 7. Pengikraran adalah bagi tempoh satu (1) bulan kalendar. Pengikraran hendaklah dibuat tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya. Pengikraran Borang Eksais No. 7 ini hanya menggunakan satu (1) borang sahaja yang disertakan bersama lampiran yang mengandungi maklumat-maklumat penjualan bagi tempoh berkenaan. Contoh borang pengikraran barangan berduti adalah seperti di **Lampiran B1** beserta dengan senarai invois seperti di **Lampiran A1**.

6. Pengikraran bagi jualan tempatan untuk produk dikecualikan duti juga menggunakan borang Eksais No. 7 yang perlu diikrar seperti di para 5. Keperluan *lab report* untuk pengikraran melalui borang Eksais No. 7 adalah sama seperti di para 2. Contoh borang pengikraran produk dikecualikan adalah seperti di **Lampiran B2** beserta dengan senarai invois seperti di **Lampiran A2**.

7. Pemindahan dari pengilang berlesen ke gudang di bawah seksyen 65, Akta Kastam 1967 atau seksyen 25, Akta Eksais 1976 sepatutnya menggunakan borang Eksais No.8. Walau bagaimanapun, bagi tempoh 1 Julai hingga 31 Ogos 2019, pengikraran borang Eksais No. 8 tersebut tidak diperlukan bagi setiap pemindahan konsaimen dan ianya memadai dengan penggunaan *Delivery Order* (Nota Penghantaran). Pengikraran borang Eksais No. 8 secara bulanan juga menggunakan kaedah yang sama seperti di para 5 dan 6 dan ianya perlu diikrar bagi tempoh satu (1) bulan kalendar tidak lewat daripada hari terakhir bulan berikutnya.

Ketua Pengarah Kastam Malaysia
28 Jun 2019

(Eksais No. 7) (Pin. 2/77)
*(Excise No. 7) (Rev. 2/77)*

**(JUALAN/*SALE*)**

| Untuk Kegunaan Jabatan Sahaja<br>*For Official Use Only* |
|---|
| Siri No. / *Serial No.* B10/E7/1234/19. |

MALAYSIA

AKTA EKSAIS 1976

(Seksyen-seksyen 23 dan 28 dan Peraturan 29)

*EXCISE ACT 1976*

*(Sections 23 and 28 and Regulation 29)*

**PERMOHONAN UNTUK MEMINDAHKAN BARANG-BARANG BERDUTI DARI GUDANG BERLESEN ATAU DARI GUDANG EKSAIS AWAM ATAU DARI TEMPAT YANG DILESEN DI BAWAH SEKSYEN 20 AKTA EKSAIS**

APPLICATION TO REMOVE DUTIABLE GOODS FROM A LICENSED OR PUBLIC EXCISE WAREHOUSE OR PLACE LICENSED UNDER SECTION 20 OF THE ACT

Nama dan alamat orang yang membuat permohonan Ahmad bin Ali.
*Name and address of person making application*
No. 4 Jln Padu, 43800 Dengkil, Selangor.

Tempat dari mana barang-barang hendak dipindahkan A & A Beverages Sdn. Bhd No. 4 Jln Padu, 43800 Dengkil, Selangor.
*Place from which goods are to be removed*

Tarikh dan waktu lebih kurang barang-barang dicadang hendak dipindahkan 1-7-2019 hingga 31-7-2019
*Date and approximate time of intended removal*

| Butiran No. *Item No.* | Lot No. *Lot No.* | Perihal *Description* | Butiran Kod *Classification Code No.* | Kuantiti yang hendak dipindahkan *Quantity Now to be Removed* | | Nilai *Value* | | Kekuatan (Liquor yang memabukkan sahaja) *Strength (Intoxicating Liquors only)* | Untuk Kegunaan Jabatan Sahaja *For Official Use Only* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Bungkusan *Packages* | Unit *Units* | Satu Unit *Per Unit* | Jumlah *Total* | | |
| 1. | – | Minuman Bergula seperti dalam Lampiran A1 no siri : SM0001/7/19 bertarikh : 30-8-2019 | | | | | | | RM *sen* |
| | | | 2202.10.1000 | 1100 | 315 liter | | | | |
| | | | 2202.10.9000 | 500 | 100 liter | | | | |
| | | | 2202.99.1000 | 800 | 800 liter | | | | |
| | | | 2202.99.4000 | 2000 | 600 liter | | | | |
| | | | 2009.19.0000 | 300 | 45 liter | | | | |
| | | | | | ~~1960~~ 1860 liter | | 10130.00 | | Caj Duti *Duty Charges* 744.00 |
| | | Working Note: Duti Eksais = 1860 liter × RM0.40/liter = RM744.00 | | | | | | | |
| | | | | | | | | | Jumlah Amaun yang kena Dibayar *Total Amount Payable* |

Saya memohon kebenaran untuk memindahkan barang-barang kepunyaan saya yang tersebut di atas, dan

*I request permission to remove the above goods of which I am the owner, and*

*membayar duti yang kena dibayar atasnya.

*tender the duty payable thereon.*

*mengakujanji untuk membayar duti atasnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam perintah yang dibuat di bawah seksyen 6.

*undertake to pay the duty thereon as provided in the order made under section 6.*

Saya mempunyai cara untuk mengetahui dan dengan ini memperakui bahawa:

*I have the means of knowing and do hereby certify that:*

(a) butir-butir tersebut di atas adalah benar dan betul dalam segala hal;

*the above particulars are true and correct in every detail;*

(b) nilai-nilai yang ditunjukkan adalah mengikut takrif nilai dalam seksyen 2.

*the values shown are in accordance with the definition of value in section 2.*

Tandatangan............................................
*Signature*

Jawatan....Pengurus........................................
*Status*

Tarikh....30.8.2019........................................
*Date*

**Untuk Kegunaan Jabatan Sahaja**
***For Official Use Only***

Pemindahan dibenarkan tertakluk kepada:

*Removal permitted subject to:*

*pembayaran duti eksais.

*payment of excise duty.*

*suatu akujanji untuk membayar duti eksais sebagaimana diperuntukkan dalam perintah yang dibuat di bawah seksyen 6.

*an undertaking to pay the excise duty as provided in the order made under section 6.*

dan semua caj yang ditunjukkan dalam borang ini.

*and all charges shown herein.*

............................................
Pegawai Yang Hak/*Proper Officer*

Tarikh............................................
*Date*

Resit rasmi, jika berkenaan, bagi jumlah amaun yang kena dibayar akan dicetak dalam ruang di bawah ini di pejabat Kastam dan Eksais di mana ada suatu mesin penerimaan. Dalam hal yang demikian resit tidak akan diterima sebagai keterangan pembayaran melainkan dicetak oleh mesin Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sendiri. Di pejabat-pejabat di mana mesin itu tidak ada suatu resit tulisan tangan akan dikeluarkan mengandungi nombor siri permohonan ini.

*The official receipt, if applicable, for the total amount payable will be printed in the space below at Customs and Excise offices where a receiving machine is installed. In such cases a receipt will not be accepted as evidence of payment unless printed by the Royal Customs and Excise Department's own machine. In offices where no machine is installed a manual receipt will be issued bearing the serial number of this application.*

* Potong mana yang tidak berkenaan.
*Delete whichever is inapplicable.*

WJF001110—PNMB., K.L.

# LAMPIRAN A1 : PRODUK BERDUTI

NAMA SYARIKAT : A&A BEVERAGES SDN. BHD.
NO. LESEN SYARIKAT : B10XXXX2019

No Siri Syarikat : SM0001/7/19
No Borang Eksais 7 : B10/E7/1234/19
Tarikh Ikrar : 30/8/2019

| Deskripsi | Kod Tarif | Kuantiti Dikeluarkan | | | Nilai (RM) | | Kandungan *Total Sugars* | Kadar Duti Eksais | Jumlah Duti Kena Bayar (RM) | No. Invoice | Tarikh Invoice |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Bungkusan | Unit Kuantiti | | Harga Seunit | Jumlah Harga | | | | | |
| | | | Kuantiti | Liter | | | | | | | |
| Cica Cila Hitam | 2202.10.1000 | 300ml/botol | 1000 | 300 | 1.00 | 1000.00 | 12g/100ml | RM0.40/liter | 120.00 | A123 | 7/1/2019 |
| Papsi | 2202.10.9000 | 200ml/tin | 500 | 100 | 1.50 | 750.00 | 11g/100ml | RM0.40/liter | 40.00 | A123 | 7/1/2019 |
| Marigoll UHT | 2202.99.1000 | 1l/pek | 800 | 800 | 2.50 | 2000.00 | 8g/100ml | RM0.40/liter | 320.00 | A123 | 7/1/2019 |
| XYZ Drinks | 2202.10.1000 | 150ml/botol | 100 | 15 | 1.80 | 180.00 | 13g/100ml | RM0.40/liter | 6.00 | B456 | 7/5/2019 |
| Coffee Ku | 2202.99.4000 | 300ml/botol | 2000 | 600 | 2.80 | 5600.00 | 15g/100ml | RM0.40/liter | 240.00 | B456 | 7/5/2019 |
| Jus Oren | 2009.19.0000 | 150ml/botol | 300 | 45 | 2.00 | 600.00 | 15g/100ml | RM0.40/liter | 18.00 | C789 | 7/31/2019 |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| **JUMLAH** | | | **4700** | **1860** | | **10130.00** | | | **744.00** | | |

(Eksais No. 7) (Pin. 2/77)
*(Excise No. 7) (Rev. 2/77)*

**(JUALAN/*SALE*)**

| Untuk Kegunaan Jabatan Sahaja *For Official Use Only* |
|---|
| Siri No. *Serial No.* B10/E7/1235/19 |

MALAYSIA

AKTA EKSAIS 1976

(Seksyen-seksyen 23 dan 28 dan Peraturan 29)

*EXCISE ACT 1976*

*(Sections 23 and 28 and Regulation 29)*

**PERMOHONAN UNTUK MEMINDAHKAN BARANG-BARANG BERDUTI DARI GUDANG BERLESEN ATAU DARI GUDANG EKSAIS AWAM ATAU DARI TEMPAT YANG DILESEN DI BAWAH SEKSYEN 20 AKTA EKSAIS**

APPLICATION TO REMOVE DUTIABLE GOODS FROM A LICENSED OR PUBLIC EXCISE WAREHOUSE OR PLACE LICENSED UNDER SECTION 20 OF THE ACT

Nama dan alamat orang yang membuat permohonan Ahmad bin Ali
*Name and address of person making application*
No. 4, Jln Padu, 43800 Dengkil, Selangor

Tempat dari mana barang-barang hendak dipindahkan A&A Beverages Sdn. Bhd No. 4 Jalan Padu, 43800 Dengkil, Selangor
*Place from which goods are to be removed*

Tarikh dan waktu lebih kurang barang-barang dicadang hendak dipindahkan 1.7.2019 hingga 31.7.2019
*Date and approximate time of intended removal*

| Butiran No. *Item No.* | Lot No. *Lot No.* | Perihal *Description* | Butiran Kod *Classification Code No.* | Kuantiti yang hendak dipindahkan *Quantity Now to be Removed*: Bungkusan *Packages* | Unit *Units* | Nilai *Value*: Satu Unit *Per Unit* | Jumlah *Total* | Kekuatan (Liquor yang memabukkan sahaja) *Strength (Intoxicating Liquors only)* | Untuk Kegunaan Jabatan Sahaja *For Official Use Only* | RM *sen* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | – | Minuman Bergula seperti di Lampiran A2 No. Siri: SM0002/7/19 Bertarikh: 30.6.2019 | | | | | | | | |
| | | | 2202.10.1000 | 1100 | 315 liter | | | | | |
| | | | 2202.10.9000 | 500 | 100 liter | | | | | |
| | | | 2209.99.1000 | 800 | 800 liter | | | | | |
| | | | 2209.99.4000 | 2000 | 600 liter | | | | | |
| | | | 2009.19.0000 | 300 | 45 liter | | | | | |
| | | | | | 1860 liter | | | | Caj Duti *Duty Charges* | 0.00 |
| | | Klausa: Pengecualian adalah dipohon dibawah Butiran 38 dan 39, Perintah Duti Eksais (Pengecualian) 2017 | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | Jumlah Amaun yang kena Dibayar *Total Amount Payable* | |

Saya memohon kebenaran untuk memindahkan barang-barang kepunyaan saya yang tersebut di atas, dan

*I request permission to remove the above goods of which I am the owner, and*

*membayar duti yang kena dibayar atasnya.

*tender the duty payable thereon.*

*mengakujanji untuk membayar duti atasnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam perintah yang dibuat di bawah seksyen 6.

*undertake to pay the duty thereon as provided in the order made under section 6.*

Saya mempunyai cara untuk mengetahui dan dengan ini memperakui bahawa:

*I have the means of knowing and do hereby certify that:*

(*a*) butir-butir tersebut di atas adalah benar dan betul dalam segala hal;

*the above particulars are true and correct in every detail;*

(*b*) nilai-nilai yang ditunjukkan adalah mengikut takrif nilai dalam seksyen 2.

*the values shown are in accordance with the definition of value in section 2*

Tandatangan............................................................
*Signature*

Jawatan... Pengurus ...................................................
*Status*

Tarikh... 30·8·2019 ...................................................
*Date*

**Untuk Kegunaan Jabatan Sahaja**
*For Official Use Only*

Pemindahan dibenarkan tertakluk kepada:

*Removal permitted subject to:*

*pembayaran duti eksais.

*payment of excise duty.*

*suatu akujanji untuk membayar duti eksais sebagaimana diperuntukkan dalam perintah yang dibuat di bawah seksyen 6.

*an undertaking to pay the excise duty as provided in the order made under section 6.*

dan semua caj yang ditunjukkan dalam borang ini.

*and all charges shown herein.*

...............................................................
Pegawai Yang Hak/*Proper Officer*

Tarikh.........................................................................
*Date*

Resit rasmi, jika berkenaan, bagi jumlah amaun yang kena dibayar akan dicetak dalam ruang di bawah ini di pejabat Kastam dan Eksais di mana ada suatu mesin penerimaan. Dalam hal yang demikian resit tidak akan diterima sebagai keterangan pembayaran melainkan dicetak oleh mesin Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sendiri. Di pejabat-pejabat di mana mesin itu tidak ada suatu resit tulisan tangan akan dikeluarkan mengandungi nombor siri permohonan ini.

*The official receipt, if applicable, for the total amount payable will be printed in the space below at Customs and Excise offices where a receiving machine is installed. In such cases a receipt will not be accepted as evidence of payment unless printed by the Royal Customs and Excise Department's own machine. In offices where no machine is installed a manual receipt will be issued bearing the serial number of this application.*

* Potong mana yang tidak berkenaan.
*Delete whichever is inapplicable.*

# LAMPIRAN A2 : PRODUK DIKECUALIKAN

NAMA SYARIKAT : A&A BEVERAGES SDN. BHD.
NO. LESEN SYARIKAT : B10XXXX2019

No Siri Syarikat : SM0002/7/19
No borang Eksais 7 : B10/E7/1235/19
Tarikh Ikrar : 30/8/2019

| Deskripsi | Kod Tarif | Kuantiti Dikeluarkan | | | Nilai (RM) | | Kandungan *Total Sugars* | Kadar Duti Eksais | Jumlah Duti Kena Bayar (RM) | No. Invoice | Tarikh Invoice |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Bungkusan | Unit Kuantiti | | Harga Seunit | Jumlah Harga | | | | | |
| | | | Kuantiti | Liter | | | | | | | |
| Cica Cila Vanila | 2202.10.1000 | 300ml/botol | 1000 | 300 | 1.00 | 1000.00 | 5g/100ml | dikecualikan | 0.00 | A123 | 7/1/2019 |
| Papsi Less Sugar | 2202.10.9000 | 200ml/tin | 500 | 100 | 1.50 | 750.00 | 4g/100ml | dikecualikan | 0.00 | A123 | 7/1/2019 |
| Marigoll Health | 2202.99.1000 | 1l/pek | 800 | 800 | 2.50 | 2000.00 | 6g/100ml | dikecualikan | 0.00 | A123 | 7/1/2019 |
| XY Drinks | 2202.10.1000 | 150ml/botol | 100 | 15 | 1.80 | 180.00 | 4.9g/100ml | dikecualikan | 0.00 | B456 | 7/5/2019 |
| CoffeeMu | 2202.99.4000 | 300ml/botol | 2000 | 600 | 2.80 | 5600.00 | 3g/100ml | dikecualikan | 0.00 | B456 | 7/5/2019 |
| Jus Oren Sihat | 2009.19.0000 | 150ml/botol | 300 | 45 | 2.00 | 600.00 | 11.6g/100ml | dikecualikan | 0.00 | C789 | 7/31/2019 |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | | |
| **JUMLAH** | | | **4700** | **1860** | | **10130.00** | | | **0.00** | | |